



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

PEKELILING CIDB BIL 2 /2020

PELAKSANAAN PENILAIAN MCORE-CIDB KEPADA SEMUA KONTRAKTOR G1

1.0 TUJUAN

Pemakluman kepada semua kontraktor G1 yang berdaftar dibawah Akta 520, bahawa Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mewajibkan penilaian MCORE bagi tujuan pembaharuan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) bermula pada 1 April 2020.

2.0 LATAR BELAKANG

MCORE adalah singkatan bagi *Micro Competitiveness Rating for Enhancement*. Ia merupakan satu kaedah penilaian yang digunakan bagi menilai keupayaan dan kemampuan kontraktor gred rendah iaitu G1.

MCORE dilaksanakan melalui analisis terhadap jawapan-jawapan yang diberikan oleh kontraktor terhadap 4 parameter yang ditetapkan. 4 parameter tersebut adalah :

- i. Pengurusan Perniagaan
- ii. Keupayaan Kewangan
- iii. Keupayaan Teknikal
- iv. Keupayaan Bisnes

Jawapan-jawapan dianalisis menggunakan carta lelabah (web chart) untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan syarikat. Hasil analisis tersebut dapat membentuk markah yang akan digredkan berdasarkan kepada pemberian tahap keupayaan (LEVEL) antara 1 hingga 3.

3.0 OBJEKTIF PENILAIAN

- a) Untuk memberi pengiktirafan kepada kontraktor G1 yang mempunyai keupayaan dan kemampuan.
- b) Untuk mengenalpasti jurang prestasi Kontraktor G1 dan seterusnya membantu kontraktor G1 meningkatkan keupayaan dan kemampuan mereka.
- c) Untuk membangunkan profil industri bagi mengenal tahap keupayaan kontraktor G1.
- d) Sebagai rujukan kepada pihak klien yang berpotensi dalam pemilihan kontraktor.

4.0 TATACARA PELAKSANAAN

Semua kontraktor G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah, dikehendaki untuk membuat penilaian MCORE secara dalam talian di cims.cidb.gov.my. Garis panduan berkenaan dengan program MCORE ini boleh dimuat turun di laman sesawang CIDB, di www.cidb.gov.my.

5.0 SEMAKAN PEMATUHAN KONTRAKTOR (CCA)

CIDB akan menjalankan Semakan Pematuhan Kontraktor (CCA) terhadap kontraktor yang telah membuat penilaian MCORE setelah Surat Pemakluman Semakan Pematuhan dikeluarkan kepada Kontraktor tersebut.

Pihak CIDB berhak membatalkan sijil MCORE mana-mana kontraktor yang gagal mengemukakan atau memalsukan dokumen semasa sesi CCA dijalankan.

6.0 KOS PENILAIAN

Fi pemprosesan bagi penilaian MCORE ini adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) sahaja.

7.0 IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN

Kontraktor tidak layak untuk membuat pembaharuan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) tanpa sijil MCORE.


8.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini terpakai dan berkuat kuasa mulai 1 April 2020.

9.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan pekeliling ini boleh dirujuk kepada:

**Pengurus Besar
Bahagian Pendaftaran Kontraktor & Levi
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
Tingkat 10, Sunway Putra Tower
No. 100 Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-4047 8120 / Fax : 03-4047 8100**


(Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid)
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh : 5 Februari 2020